

## Struktur dalam zon sesar Kisap di Teluk Sudu

ZAITON HARUN

Jabatan Geologi, Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 Bangi, Selangor

Teluk Sudu merupakan sebuah teluk kecil yang terletak di tepi hujung timur dalam Teluk Air Taun di Pulau Dayang Bunting. Di teluk kecil ini tersingkap Batu Kapur Setul yang terlipat sebagai antiform rebah yang bersaiz sederhana di atas satah sesar Kisap yang berjurus baratlaut dan miring dengan curamnya ke timurlaut. Sesar Kisap tersebut mengandungi jalur milonit yang nipis antara 2–6 cm. Di bawahnya, satu jalur ricihan yang terdiri daripada batu lodak kefilitan selebar kira-kira 3 m yang merupakan sebahagian daripada Ahli Gersik. Jalur ricihan mengandungi lapisan-lapisan nipis batu pasir yang berbentuk ramping-dan-ampul serta kekanta. Semakin menjauhi satah sesar Kisap dan jalur ricihan, pebel-pebel yang ditemui dalam Ahli Gersik tersebut berbentuk membulat dan bersudut.

Secara umum foliasi dalam jalur ricihan berjurus  $320^\circ$  dengan kemiringan berjulat dari  $12^\circ$  hingga  $70^\circ$ . Sesar mendatar ke kiri yang berjurus di sekitar barat-baratlaut memotong Batu Kapur Setul, Ahli Gersik dan sesar Kisap. Tafsiran hala pergerakan berdasarkan seretan foliasi dan anjakan telerang kuarza yang memotong sesar Kisap dan kedua-dua unit batuan tersebut. Pergerakan mendatar ke kanan di sepanjang foliasi ditunjukkan oleh telerang kuarza yang teranjak sejauh 6–20 cm di dalam foliasi.

Dua kumpulan lipatan kecil yang dicerap dalam Ahli Gersik menunjam landai hingga sederhana ke arah  $350^\circ$  dan  $05^\circ$ . Kumpulan kedua menunjam sederhana ke arah  $150^\circ$ . Dalam Batu Kapur Setul, kumpulan lipatan kecil menunjam landai hingga sederhana ke arah umumnya tenggara.

Analisis struktur dapat ditafsirkan mampatan dalam arah  $50^\circ$  menyebabkan perlipatan rebah dengan paksi menunjam landai ke arah tenggara dan perlipatan kecil dalam Batu Kapur Setul dan Ahli Gersik, penyesaran sungkup, sesar mendatar ke kiri. Tegasan maksimum dalam arah utara-baratlaut ditafsir menyebabkan pergerakan ke kanan di sepanjang foliasi jalur ricihan. Dua sekitaran yang melibatkan canggaaan mulur-raph dan raph terpamer di sini.

---